

## PEKELILING NAIB CANSOLOR

**BIL. 22/2009**

**SEMUA  
 DEKAN-DEKAN FAKULTI  
 PENGARAH-PENGARAH KAMPUS CAWANGAN  
 PENGARAH CITU  
 KETUA-KETUA BAHAGIAN/PUSAT/UNIT  
 UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

آسلاام علىكم ورحمة الله وبركاته

Y.Bhg. Dato'/Datn/Prof./Tuan/Puan

**PENURUNAN HAD KUASA PENGURUSAN DAN PENGANJURAN LATIHAN BAGI STAF  
 PENTADBIRAN**

Perkara di atas adalah dirujuk.

Dimaklumkan bahawa Jawatankuasa Latihan dan Pembangunan Staf (Pentadbiran) dalam mesyuarat ke-90 pada 23 Julai 2009 telah membuat keputusan untuk menurunkan had kuasa pengurusan dan penganjuran latihan bagi staf pentadbiran kepada Panel Pembangunan Sumber Manusa (PPSM) dan Ketua PTJ. Dengan keputusan ini, Ketua Jabatan/Bahagian/Dekan Fakulti/Pengarah Kampus/Pengarah CITU dan Panel Pembangunan Sumber Manusia (PPSM) Jabatan/Bahagian/Fakulti/Cawangan akan bertanggungjawab untuk membuat keputusan dan memberi kelulusan ke atas permohonan staf pentadbiran seperti berikut:

- Menghadiri kursus (seminar / bengkel / konferensi) dalam negara.
- Membentang kertas kerja, poster atau hasil karya dalam negara.
- Menganjurkan program latihan (seminar / bengkel / konferensi) dalam negara.

Penurunan had kuasa pengurusan dan penganjuran latihan staf pentadbiran kepada Pusat Tanggungjawab (PTJ) merangkumi jumlah pembiayaan seperti butiran di bawah:

Jenis Latihan	Had pembiayaan
Penganjuran Latihan Staf Pentadbiran (dalam negara)	Tidak melebihi RM 25,000.00
Menghadiri latihan atau membentang kertas kerja, poster, hasil karya dalam negara (Staf Pentadbiran)	Yuran tidak melebihi RM 2,000.00

Bagi memastikan penurunan had kuasa ini berjalan lancar dan penuh tanggungjawab dengan memberi peluang yang adil dan saksama kepada staf di bawah tanggungjawab PTJ, PPSM diminta untuk mematuhi sepenuhnya garis panduan latihan staf akademik dan pentadbiran yang diturunkan had kuasa seperti yang dilampirkan. Peruntukan kewangan menggunakan peruntukan semasa PTJ dan peruntukan tambahan akan diagihkan kepada PTJ mengikut permohonan peruntukan tambahan daripada PTJ.

Dengan keputusan ini, Ketua Jabatan/Bahagian/Dekan/Pengarah Kampus/CITU sebagai Pengerusi PPSM adalah bertanggungjawab sepenuhnya dalam menentukan tadbir urus sentiasa telus dan adil dengan menepati terma rujukan serta memelihara integriti dan akauntabiliti Panel berkenaan.

Pekelling ini berkuatkuasa mulai **1 Oktober 2009**.

Sekian. والسلام

Yang benar



**TAN SRI DATO' SERI PROF. DR. IBRAHIM ABU SHAH**  
Naib Canselor

- s.k
1. Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
  2. Pendaftar
  3. Bendahari (*Pengagihan Peruntukan mengikut keperluan ke Zon Kewangan mengikut PTJ berkaitan*)
  4. Ketua Timbalan Pendaftar, Jabatan Pembangunan Sumber Manusia (JPbSM)

Surat kami : 100-BPD(JPbSM.6/2)  
Tarikh : 08 Oktober 2009